

Headline	Mahdzir dilantik Pengerusi TNB		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 May 2020	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Berita Sawit	Page No	26
ArticleSize	185 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,448		



## Mahdzir dilantik Pengerusi TNB

**Tenaga** Nasional Bhd (TNB) melantik Datuk Seri Mahdzir Khalid sebagai Pengerusi baharunya berkuat kuasa 12 Mei 2020.

Mahdzir menggantikan Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir yang dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bermula 1 Mei lalu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, berkata lembaga pengarah, pengurusan serta seluruh warga kerja TNB mengalu-alukan pelantikan Mahdzir sebagai pengerusi baharu.

Beliau berkata, Mahdzir mempunyai pengalaman luas dan tidak asing dengan industri tenaga elektrik.

“Dalam suasana mencabar ketika ini, kami yakin kepimpinan beliau dapat membantu TNB mengharungi cabaran semasa serta mencapai aspirasi transformasi syarikat ke arah menjadi antara 10 firma utiliti utama dunia menjelang 2025.

“Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahmad Badri yang sebelum ini adalah Ahli Lembaga Pengarah TNB mewakili Kementerian Kewangan sejak 2018.

“Kepemimpinan, bimbingan, ilmu, nasihat dan komitmen



**Mahdzir Khalid**

yang beliau sumbangkan sepanjang perkhidmatan memberi manfaat kepada kami,” katanya dalam satu kenyataan.

Mahdzir sebelum ini pernah menjadi Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dari Mei 2013 hingga Julai 2015, sebelum memegang jawatan sebagai Menteri Pendidikan sehingga 2018.

Beliau juga adalah bekas Menteri Besar Kedah dari Disember 2005 hingga Mac 2008.

Mempunyai Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dari Universiti Sains Malaysia (USM), Mahdzir pernah menjadi pengerusi Lembaga Pembangunan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), selain Timbalan Pengerusi Penggalakan Pelancongan Malaysia di bawah Kementerian Pelancongan.

**VALUATOR**

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC - Stakeholders)	2	0	RM 0
Green Technology-Industry (Green Technology-Industry)	1	0	RM 0
Human Resource (Human Resource)	1	0	RM 0
Industry News (SEDA) (Industry News (SEDA) - Renewable Energy)	1	0	RM 0
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) (Kumpulan Wang	2	0	RM 0
Lembaga Kemajuan Wilayah (Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW))	1	0	RM 0
Ministry of Education (Ministry of Education)	1	0	RM 0
Ministry of Energy, Science, Technology, Environment and Climate	1	0	RM 0
Ministry of Finance - Malaysia News (Ministry of Finance - Malaysia	2	0	RM 0
Ministry of Finance (Ministry of Finance)	1	0	RM 0
MOF - AGROBANK (MOF - AGROBANK)	1	0	RM 0
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare &	1	0	RM 0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional )	7	0	RM 0
UKM - internal checking only (UKM - internal checking only)	1	0	RM 0
Universiti Sains Malaysia (USM) (Universiti Sains Malaysia (USM))	3	0	RM 0